

Mohamad dakwa Dr M diperalat

PASIR MAS: Menteri Besar Negeri Sembilan, Datuk Seri Mohamad Hassan, sedih kerana ada pihak cuba memperalatkan bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, untuk menjatuhkan kepemimpinan negara demi kepentingan dan agenda mereka sendiri.

Katanya, isu yang dibangkitkan oleh pihak berkenaan bukan isu nasional untuk menegur kerajaan yang ada, tetapi isu untuk kepentingan peribadi mereka.

"Saya memang sedih dan kesal terhadap sikap pihak yang cuba memperalatkan Dr Mahathir, dan sanggup mengheret bekas Perdana Menteri itu untuk menjatuhkan kerajaan yang ada demi kepentingan peribadi dan agenda mereka," katanya.

Mohamad yang juga Ahli Majlis Tertinggi Umno (MT) berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Persidangan Perwakilan Umno Bahagian Pasir Mas, di Dewan Sekolah Menengah Sultan Ibrahim (1) di sini, semalam.

Sempena majlis itu, beliau melancarkan buletin 'Suara Emas' terbitan Umno bahagian berkenaan.

Mohamad mendakwa, mereka yang sanggup melakukan perbuatan itu adalah kalangan orang yang kecewa dalam parti dan tidak mendapat projek kerajaan.

"Apa yang diperkatakan itu bukan isu nasional, bukan isu peribadi Tun (Dr Mahathir) sendiri, tetapi isu untuk kepentingan peribadi masing-masing," katanya.

Sehubungan itu, beliau mahu pihak terbabit menghentikan perbuatan itu kerana ia boleh mengeruhkan lagi keadaan.

Mohamad juga menasihatkan pihak tertentu jangan cuba bermain api dengan membangkitkan lagi isu agama, terutama perkara yang boleh menggugat perpaduan di kalangan rakyat negara ini.

Katanya, tindakan mereka tu boleh memecah-belahkan perpaduan kaum dan rakyat negara ini yang sudah sekian lama hidup dalam aman dan damai.

"Jangan ada lagi pihak cuba mempersoalkan kedudukan agama Islam di negara ini kerana sudah termaktub dalam perlembagaan negara" katanya.